

# Keadaan banjir semakin pulih

**K**UALA LUMPUR: Seramai 606 mangsa banjir pulang ke rumah masing-masing sehingga petang ini di Johor, Perak, Melaka dan Selangor apabila keadaan banjir semakin pulih di kebanyakan tempat.

Menurut laporan portal banjir Majlis Keselamatan Negara sehingga 7 malam tadi, Johor mencatatkan jumlah terbesar mangsa banjir pulang ke rumah masing-masing iaitu 526 orang dengan yang masih tinggal di pusat pemindahan seramai 1,320 orang.

Perak negeri kedua tertinggi apabila seramai 75 orang pulang dan tinggal 117 mangsa banjir masih di pusat pemindahan.

Melaka pula mencatatkan seramai empat mangsa banjir pulang dan hanya 98 orang berada di pusat pemindahan, manakala di Selangor hanya seorang yang pulang dan 2,117 mangsa banjir masih menghuni pusat pemindahan banjir.

Sehingga kini masih tiada laporan jalan ditutup dan mangsa korban banjir setelah pantai Barat Semenanjung dilanda hujan lebat sejak empat hari lalu.

Menurut Majlis Keselamatan Negara, sehingga kini empat pusat pemindahan banjir ditutup dan 24 pusat pemindahan masih dibuka di empat negeri berkenaan.



**bulan, Muhd Hezrey Rayyan Mohd  
arit Sulong.**